

BAB I **PENDAHULUAN**

1.1 MUKADDIMAH

Singapura adalah negara kecil di kawasan Asia Tenggara yang merupakan salah satu negara termaju di rantau ini. Ia juga sebuah negara berbilang kaum yang sangat unik dan menarik untuk dikaji. Sepanjang sejarahnya, negara ini hanya sekali mengalami rusuhan kaum ketika awal-awal terbentuknya dahulu, padahal masyarakat dan rakyatnya menganut pelbagai macam agama, budaya serta kaum yang berbeza. Walaupun demikian mereka dapat hidup bersama berganding bahu membangun tamadun Singapura moden.

Bangsa Melayu/Islam merupakan penduduk asli Singapura walaupun ada sebahagiannya yang dulunya berhijrah daripada kawasan berdekatan di Nusantara seperti, Jawa, Johor, Minang, Bugis dan lain sebagainya. Bangsa Melayu/Islam sekarang ini membentuk 14%¹ dari jumlah keseluruhan rakyat Singapura. Majoriti rakyat Singapura adalah bangsa Cina. Walaupun masyarakat Melayu/Islam hanya membentuk 14% dari penduduk Singapura, tetapi kehidupan beragama dan berpegang teguh dengan nilai-nilai Islam serta hak-hak menjalankan syariat Islam tetap terjamin dan bebas dijalankan di negara singa itu.

Di samping masyarakat Melayu/Islam Singapura bebas menjalankan Syariat Islam, mereka juga mempunyai lembaga peradilan Islam tersendiri yang disebut Mahkamah Syariah. Lembaga ini banyak memberi sumbangan bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu/Islam, terutama yang

¹ Lelaman Wikipedia: http://en.wikipedia.org/wiki/Malays_in_Singapore#Population_of_the_Malay_in_Singapore. (10/11/2008)

berkaitan dengan masalah keluarga (*ahwal syakhsiyah*). Bermula dari perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, harta pusaka, dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan kehidupan keluarga.

Di antara kes-kes keluarga yang banyak dirujukkan ke Mahkamah Syariah adalah kes perceraian. Semakin kompleksnya cabaran kehidupan di kota metropolitan seperti Singapura; rapuhnya ikatan keluarga; semakin menguatnya nilai individu dan mementingkan diri sendiri, telah menjadikan perceraian adalah suatu masalah yang serius yang sedang cuba dihuraikan dan dicari huraiannya oleh tokoh-tokoh Islam di Singapura. Fakta yang didedahkan oleh Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa pada tahun 2006, hampir 50% daripada perkahwinan yang dijalankan tahun itu berakhir dengan perceraian.²

Jika berlaku perceraian di antara suami isteri, harta sepencarian adalah isu utama yang menjadi perhatian dan diperebutkan di antara kedua belah pihak. Di Lembaga Rayuan, kes-kes harta sepencarian merangkumi 85% kes-kes yang dirujukkan ke Mahkamah tersebut.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Harta sepencarian boleh diertikan sebagai harta yang diperolehi oleh pasangan suami isteri selama dalam perkahwinan. Di Singapura, harta sepencarian lebih tertumpu perbincangannya kepada rumah HDB (Housing Development Board) yang dimiliki dan dibeli bersama oleh suami isteri selama dalam tempoh perkahwinan. Bahkan dalam banyak kes tuntutan harta sepencarian yang didengar

² Majlis Ugama Islam Singapura:
<http://www.muis.gov.sg/cms/downloads/khutbahs.aspx?LangType=1086>. (21/2/2008)

kes-kesnya di Mahkamah, rumah HDB adalah aset dan harta suami isteri satunya yang dimiliki oleh keduanya ketika berlaku perceraian.

Pemerintah Singapura mewajibkan kepada warganya yang ingin membeli rumah dari Lembaga Perumahan Singapura (HDB) hendaklah ianya didaftar atas nama dua orang pemilik (nama) yang ada hubungan keluarga seperti; suami isteri, ibu bapa dengan anak-anak. Tidak semestinya kedua penama dalam pemilikan rumah HDB ini ikut menyumbang dari segi pembayaran atau angsuran bulanan. Biasanya kedua nama yang tercatit sebagai pemilik rasmi rumah itu adalah melibatkan suami isteri.

Pada awal-awal tujuh puluhan, suami memainkan peranan yang utama dari segi pembayaran dan pelunasan rumah mereka, memandangkan isteri biasanya tidak bekerja. Tetapi dengan pembangunan yang pesat dan perubahan yang besar dalam kehidupan Singapura moden yang menyaksikan lebih ramai golongan wanita yang mendapat pendidikan yang tinggi, menjadikan mereka mampu bersaing dengan golongan lelaki dan sebagai bahagian daripada penunjang utama bagi pembangunan ekonomi. Kaum wanita sudah tidak lagi menjadi suri rumah sepenuh masa, tetapi keluar bekerja untuk memenuhi keperluan hidupnya dan menolong memperkuuh kewangan keluarga, atau hanya untuk menambah pendapatan dan hidup lebih selesa dan mewah. Dengan pendapatan yang dihasilkan daripada kerjayanya, pihak isteri juga telah menyumbang dari segi kewangan kepada pendapatan keluarga, termasuklah pembelian rumah HDB.

Jika berlaku perceraian dan masing-masing suami isteri memberikan sumbangan kewangan ke atas pembelian dan pembayaran rumah mereka, biasanya Mahkamah Syariah akan mengeluarkan perintah agar rumah mereka dijual di pasaran terbuka dan sumbangan masing-masing pihak ke atas pembelian rumah HDB yang berasal daripada Wang Simpanan Pekerja (CPF);³ besar ataupun kecil, akan dikembalikan ke dalam akaun Lembaga CPF mereka. Sementara keuntungan bersih daripada penjualan tersebut akan menjadi harta sepencarian suami isteri yang sentiasa diperebutkan dan dituntut oleh keduanya. Tuntutan biasanya melibatkan jumlah peratus daripada keuntungan penjualan rumah HDB tersebut.

Wang Simpanan Pekerja (CPF) juga di antara harta yang sering dianggap sebagai harta sepencarian suami isteri selepas berlakunya perceraian. Secara konsepnya, CPF adalah salah satu jenis harta yang boleh dimasukkan ke dalam harta sepencarian suami isteri. Kerana menurut AMLA⁴ seksyen 52(14)(b), semua harta benda yang dimiliki bersama atau dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri selama tempoh perkahwinan adalah termasuk dalam pengertian harta sepencarian. Tetapi oleh kerana tujuan utama daripada ditubuhkannya Lembaga CPF adalah untuk memberikan perlindungan kewangan kepada pekerja ketika mencecah usia senja dan sebagai jaminan masa tua, kadangkala Mahkamah Syariah tidak meluluskan beberapa tuntutan berkaitan dengannya.⁵

³ CPF (Central Provident Fund) adalah lembaga kewangan yang dibentuk oleh Kerajaan Singapura untuk menguruskan harta simpanan pekerja. Sebahagian daripada gaji pekerja wajib disimpan dalam lembaga tersebut untuk beberapa tujuan. Di antara tujuannya adalah untuk membolehkan rakyatnya memiliki kemampuan kewangan untuk membeli rumah. Lihat <http://cpf.gov.sg> (15/11/2008).

⁴ AMLA (Administration of Muslim Law Act – Akta Pentadbiran Undang-undang Islam) Singapura.

⁵ Azizah bte Daud lawan Mohammad Johari bin Salleh MS No. 18200; Fatimah bte Umar Abdat lawan Hussain bin Salim Mubarak Abdat MS No. 21066; Norlia bte Tambi lawan Harris bin Awang MS No. 18534; Rosnah bte Perman lawan Shak Ban bin Md Ludin MS No. 14366.

Di antara sebab yang utama yang menjadi asas penolakan beberapa kes yang melibatkan tuntutan wang CPF adalah hakikat bahawa masing-masing pihak tidak mempunyai peranan secara langsung atau tidak langsung ke atas terkumpulnya wang pasangan di dalam lembaga CPF. Selagi seseorang itu –rakyat Singapura atau penduduk tetap, bekerja secara rasmi di Singapura dengan salah satu syarikat yang berdaftar di Singapura, maka Kerajaan Singapura mewajibkan kepada pekerja dan majikan untuk mengetepikan bahagian tertentu daripada gaji pekerja untuk disimpan di Lembaga tersebut. Perkahwinan dan kewujudan pasangan tidak pernah menjadi sebab ke atas pemilikan seseorang ke atas harta yang dikumpulkannya di Lembaga CPF.⁶

Menarik untuk disebut di sini bahawa, kadangkala pasangan suami isteri; dan biasanya pihak suami, menggunakan hak penjagaan anak sebagai alat untuk menghalang pasangannya daripada mendapatkan haknya dalam harta sepencarian mereka. Dengan ungkapan lain; suami bersedia melepaskan hak penjagaan ke atas anaknya, jika isteri tidak menuntut apa-apa daripada harta sepencarian mereka. Isteri yang kurang mengetahui hak-haknya selepas perceraian, kadangkala bersetuju dengan syarat yang diletakkan secara sepihak atau paksa oleh suaminya kerana keinginan pihak isteri yang sangat kuat untuk menjaga dan membesarkan anak-anak dari perkahwiannya dengan bekas suaminya.

Jika kesepakatan seperti ini berlaku, pihak Mahkamah tidak dapat memutuskan lain, kecuali sesuai dengan apa yang telah disepakati oleh kedua pasangan tersebut. Bahkan jika pada kemudiannya, pihak isteri menyedari haknya

⁶ Lihat kes antara *Norlia bte Tambi lawan Harris bin Awang* MS No. 18534.

dan membuat rayuan di Lembaga Rayuan dengan mengatakan bahawa kesepakatan yang telah disepakatinya dengan pihak suami berlaku dalam keadaan terpaksa atau kurang tahu tentang hak-haknya sebagai isteri selepas perceraian, Hakim yang Arif di Lembaga Rayuan lebih memilih untuk mengekalkan keputusan yang telah diambil oleh Hakim di Mahkamah Syariah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia telah memasukkan harta sepencarian dalam undang-undang keluarga Islam di negara masing-masing tahun lima puluhan.⁷ Di Indonesia pula, walaupun telah lama ada dan lebih dikenal dengan istilah "harta gono-gini, tetapi baru dimasukkan dalam undang-undang keluarga Islam pada tahun 1990-an.⁸ Di Singapura, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Singapura (AMLA), tidak memperuntukkan secara khusus peruntukan berkaitan dengan harta sepencarian kecuali setelah diadakannya pindaan kepada AMLA pada tahun 1999. Dalam seksyen 52 telah dimuat secara terperinci berkaitan dengan harta sepencarian; makna, tafsiran dan faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh hakim dalam menentukan kadar pembahagian yang boleh diterima oleh pasangan suami isteri.

Faktor-faktor tersebut telah dapat membantu Mahkamah dalam menilai dan memberikan keutamaan ke atas sebab-sebab di sebalik kes tuntutan harta sepencarian, tetapi AMLA tidak menyebutkan secara jelas apakah faktor-faktor penting yang perlu dijadikan pertimbangan utama dan faktor-faktor pembantu yang berfungsi sebagai sokongan sahaja. Oleh itu perlu juga ditentukan, faktor-faktor penting yang dijadikan sebagai pertimbangan utama dalam penentuan kadar

⁷ MLJ [1985] v. 2, h. 98-101.

⁸ Kompilasi Hukum Islam (KHI) 1991 Bab: VIII.

bahagian daripada harta sepencarian dan faktor-faktor lain yang dijadikan penyokong ke atas faktor-faktor utama tersebut, sehingga penyelarasan dan konsistensi daripada setiap keputusan berkaitan dengan harta sepencarian dapat lebih mudah dilakukan.⁹

Di samping itu, AMLA tidak memperuntukkan kadar bahagian yang diperoleh oleh masing-masing pihak daripada harta sepencarian suami isteri. Dalam seksyen 52(8) ada disebutkan beberapa faktor yang ikut memainkan peranan penting dalam penentuan besar kecilnya peratusan yang diperoleh oleh pasangan suami isteri daripada harta sepencarian mereka. Di samping itu ada faktor-faktor lain di luar seksyen 52(8) yang ikut menentukan kadar bahagian.

Ketiadaan peruntukan bagi kadar peratusan yang diterima oleh masing-masing pasangan, memberikan kebebasan kepada hakim untuk menentukan kadar bahagian masing-masing pihak berdasarkan kepada fakta-fakta terkini yang terungkap dalam perbicaraan. Cabaran yang dihadapi Mahkamah adalah sejauh mana para hakim konsisten dalam menentukan besarnya peratusan berdasarkan kepada fakta-fakta yang terungkap di perbicaraan, memberikan hak masing-masing kepada pemiliknya dan memenuhi ruh keadilan yang sentiasa menjadi salah satu asas utama syariat Islam.

Ketandusan rujukan dan penulisan ilmiah yang dihasilkan oleh para sarjana Singapura berkaitan dengan harta sepencarian, menjadikan perbincangan harta

⁹ AMLA Syeksyen 52 (8). Walaupun faktor-faktor tersebut disenaraikan mengikut huruf, tetapi ianya tidak memberikan pesan tersurat atau tersirat bahawa faktor yang di atas adalah lebih utama untuk mendapatkan pertimbangan daripada faktor yang di bawahnya, atau sebaliknya.

sepencarian kekurangan analisa dan hujah-hujah, utamanya hujah daripada nas-nas syariah Islam. Mantan Presiden Mahkaman Syariah Sallim bin Jasman¹⁰ menyebut bahawa: “Dalam menyelesaikan kes-kes harta sepencarian suami isteri yang dirujuk ke Mahkamah Syariah, para hakim yang arif banyak merujuk kepada buku-buku, statut-statut dan artikel-artikel ilmiah yang ditulis di Malaysia dan Indonesia sebagai rujukan utama”.¹¹

Usaha-usaha untuk mengumpul dan menyusun semula kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah atau Lembaga Rayuan telah dimulakan, walaupun ianya baru setakat mengumpulkan kes-kes tersebut dalam satu fail tertentu dan disimpan untuk kegunaan Mahkamah. Fail-fail bersebut telah banyak dijadikan rujukan oleh para hakim dan juga para peguam sebagai sandaran asas bagi tuntutan harta sepencariaan. Sistem pengumpulan kes-kes perceraian akan lebih baik jika setiap kes perceraian dikumpulkan mengikut isu yang ditimbulkan dan tuntutan yang dibangkitkan, sehingga memudahkan bagi membuat rujukan dan kajian.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji dan meneliti makna dan tafsiran harta sepencarian beserta pengaruh sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung ke atas kadar

¹⁰ Sallim Jasman, mantan Presiden, Mahkamah Syariah, –ketika ditemubual masih Presiden Mahkamah Syariah. Temubual pada 4 Januari 2006.

¹¹ Dalam kes *Norhayati lawan Yusof*, MS No.12936, Mahkamah mengukuhkan hujah pembahagian harta sepencarian dengan kes yang berlaku di Malaysia antara *Norbee lawan Ahmad Sanusi* [1978] 1 JH (2) 63. Berikut adalah pernyataan Mahkamah: "Kadi Besar Penang Tuan Hj Harussani bin Hj Zakaria menerangkan: "Harta Sepencarian telah diiktifar oleh undang-undang Islam atas dasar usaha yang dibuat oleh kedua suami isteri. Isteri menjaga kebersihah dan keselamatan rumah sementara suami keluar bekerja untuk mencari sara hidup".

bahagian masing-masing pihak berdasarkan kepada kes-kes harta sepencarian yang diputuskan di Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan.

2. Mengkaji dan menganalisa tuntutan harta sepencarian daripada harta alih, harta tidak alih dan pelbagai bentuk aset kewangan pasangan suami isteri yang dirujukan ke Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan.
3. Menganalisa besar kecilnya bahagian yang diperoleh oleh masing-masing pasangan daripada harta sepencarian dan sebab-sebab yang dijadikan oleh hakim sebagai panduan bagi menentukan kadar bahagian masing-masing pihak daripada harta sepencarian. Ianya juga melibatkan kajian berkaitan dengan tafsiran ke atas faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh para hakim sebelum memutuskan kadar bahagian masing-masing pihak daripada harta sepencarian.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Mahkamah Syariah Singapura adalah lembaga kehakiman yang berdasarkan kepada syariah Islam. Kajian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan daripada rujukan syara‘ dan menawarkan rujukan yang kaya dengan hujah-hujah syariah dalam memutuskan kes-kes berkaitan dengan harta sepencarian. Dengan semakin banyak dan pelbagai rujukan yang boleh dirujuk kepadanya, para hakim akan dapat menghuraikan kes-kes berkaitan dengan harta sepencarian dengan lebih mudah dan berdasarkan dengan pertimbangan syariah yang sewajarnya.

Kajian ini juga diharapkan akan lebih memudahkan para hakim untuk merujuk kepada kes-kes yang terdahulu berkaitan dengan harta sepencarian yang

pernah dirujukkan kepada Mahkamah Syariah atau Lembaga Rayuan Syariah. keskes yang terdahulu mungkin boleh mempermudah dan dijadikan panduan dalam memutuskan kes-kes yang sedang dalam perbincangan dan akan datang.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak berkuasa agama Islam di Republik ini untuk meminda dan mengubahsuai peruntukan yang sedia ada dan dapat dijadikan sebagai panduan oleh hakim dan bagi menjamin konsistensi dalam penghakiman mereka.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan pihak institusi Islam misalnya Majlis Fatwa Singapura khasnya dan masyarakat Islam amnya untuk memahami persoalan mengenai harta sepencarian dengan lebih mudah.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metod yang akan digunakan dalam penulisan kajian ini adalah gabungan daripada tiga metodologi asas:

1.6.1 Metod Perpustakaan

Metod ini akan dijalankan dengan membaca dan mempelajari secara menyeluruh semua maklumat yang berhubungkait dengan harta sepencarian secara umum dan kes-kes seumpama itu yang dirujuk ke Mahkamah Syariah Singapura dan Lembaga Rayuan. Di antaranya; buku, tesis, suratkabar, jurnal dan fail-fail keputusan hakim tentang harta sepencarian yang telah direkodkan di Mahkamah Syariah Singapura dan juga di Lembaga Rayuan.

1.6.2 Metod Kajian Kes

Metod ini akan dijalankan dengan merujuk dan mengkaji kajian-kajian kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah ataupun di Lembaga Rayuan Syariah. Latar belakang kes, keputusan para hakim, alasan dan hujah yang dikemukakan para hakim dalam memutuskan sesebuah kes, unsur-unsur yang menjadi penentu ke atas besaran yang diperoleh oleh setiap pasangan ke atas harta sepencarian akan dianalisa dengan teliti bagi mengetahui secara terperinci dan mendalam permasalahan yang ada dalam setiap kes dan huraiyan yang diambil bagi penyelesaikan sesebuah kes.

6.2.3 Metod Wawancara

Metod wawancara akan dijalankan untuk mendapatkan data-data dan fakta-fakta berkenaan dengan harta sepencarian dalam semua aspek dan kes-kes yang dirujukkan kepada Mahkamah Syariah Singapura dan Lembaga Rayuan. Di antara yang akan ditemubual adalah; Presiden/Naib Presiden Mahkamah Syariah Singapura, Pengantara Senior, Mufti/Naib Mufti Negara Singapura dan yang lainnya yang boleh memberikan maklumat yang diperlukan dan membantu dalam menganalisa kajian ini dengan lebih tepat.

1.7 SOROTAN KAJIAN

Harta Sepencarian boleh ditakrifkan sebagai harta, sama ada harta alih atau tak alih, yang diperoleh bersama oleh sepasang suami isteri, semasa kewujudan perkahwinan mereka, hasil dari sumber-sumber atau usaha mereka. Harta yang

diperoleh sebelum perkahwinan atau melalui pembahagian harta pusaka, tidak dikira sebagai harta sepencarian.¹²

Perbincangan tentang harta sepencarian telah direkodkan oleh E.N. Taylor seawal tahun 1926 di Mahkamah Selangor dalam kes *Laton lawan Ramah*. Kes ini difailkan oleh pihak isteri setelah kematian suami, berhubung dengan harta tanah yang dihasilkan bersama dalam waktu perkahwinan dan didaftar atas nama suami. Sebahagian daripada harta tanah tersebut disumbangkan oleh pihak isteri daripada hasil penjualan tanah yang dimilikinya sebelum pernikahan dan pendapatan perniagaan sebagai seorang penjual roti semasa perkahwinan. Oleh yang demikian pihak isteri menuntut setengah daripada harta peninggalan suaminya sebelum pembahagian harta pusaka mengikut undang-undang faraidh dilaksanakan.¹³ Kes-kes yang telah beliau rekodkan ini telah menjadi rujukan utama para sarjana dan pengkaji yang berminat berkaitan dengan undang-undang adat atau undang-undang keluarga Islam di Malaysia khasnya dan di Asia Tenggara amnya.

M.B. Hooker dalam *The Personal Laws of Malaysia* mengatakan bahawa harta sepencarian adalah merupakan bahagian daripada adat bangsa Melayu di kesemua kawasan Malaysia Barat. Dalam adat perpateh di Negeri Sembilan menyebutnya sebagai harta charian laki-bini. Dalam kes *Hasmah binte Omar lawan Abdul Jalil*, setelah keduanya bercerai, Hasmah menuntut setengah daripada harta tanah yang dimiliki oleh suaminya berdasarkan bahawa dia telah memberikan sumbangan ke

¹² Mimi Kamariah Majid (1992), *Undang-Undang Keluarga di Malaysia*. Malaysia-Singapore-Hong Kong: Butterworths Asia, h. 190.

¹³ E.N. Taylor (1937), *Malay Family Law*. Singapore: Singapore Printer Limited, h. 35.

atas harta yang dimiliki oleh suaminya tersebut. Beliau bahkan telah mencatatkan bahawa seawal tahun 1884 telah berlaku adanya kes harta sepencarian di Penang, lebih awal daripada yang dilaporkan oleh E.N. Taylor. Kes ini berlaku antara *Tijah lawan Mat Alli* dalam satu kes yang sangat menarik, iaitu bahwa kedua suami isteri telah menyewa sebidang tanah daripada hasil penjualan barang yang mereka miliki. Ketika berlaku perceraian pihak isteri menuntut separuh daripada harta yang mereka hasilkan selama perkahwinan tersebut. Kadi mengabulkan tuntutan pihak isteri berasaskan kepada undang-undang Islam.¹⁴

Prof. Ahmad Ibrahim, *Family Law in Malaysia* (1978), membentangkan kes Harta Sepencarian *Roberts lawan Umi Kalthom*. Dalam kes ini Roberts dan isterinya telah membeli sebuah rumah dengan harga \$50.000. Roberts membayar \$40.000 dan Umi Kalthom membayar \$10.000. Harta itu didaftarkan dengan nama Umi Kalthom. Apabila mereka bercerai, Roberts menuntut setengah bahagian harta tersebut atas dasar harta sepencarian. Beliau juga merujuk kepada kes *Laton lawan Ramah* bagi menguatkan adanya amalan harta sepencarian di dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Menarik untuk disemak lebih lanjut, bahawa beliau mengungkapkan adanya ketidak seragaman pembahagian harta sepencarian dari satu kes ke kes yang lain. Ada yang dibahagikan $\frac{1}{2}$ kepada kedua-dua suami isteri, ada pula yang dibahagikan $\frac{1}{3}$ untuk isteri dan $\frac{2}{3}$ untuk suami atau sebaliknya.¹⁵

¹⁴ M.B. Hooker (1976), *The Personal Laws of Malaysia An Introduction*. T.T.P: Oxford University Press, h. 77-79.

¹⁵ Prof. Ahmad Ibrahim (1978), *Family Law in Malaysia*, h. 308-309.

Sebelum Mahkamah Syariah diberi bidangkuasa eksklusif untuk membicarakan tuntutan pembahagian harta sepencarian, Mahkamah sivil cenderung menganggap harta ini sebagai adat Melayu dan terus merujuk kes-kes yang terdahulu misalnya, dalam kes-kes *Hujah Lijah binte Jamal lawan Fatimah binti Mat Diah, Roberts @ Kamarulzaman lawan Ummi Kalthom*. Begitu juga dalam kes *Ramah lawan Laton*. Tapi dalam kajian-kajian mutakhir, para pengkaji kontemporer lebih cenderung untuk membuat analogi konsep pembahagian ini dari perspektif fiqh mualamat iaitu atas konsep harta syarikat (iaitu *syarikat al-Ábdān*) tetapi meninggalkan persoalan apabila konsep harta sepencarian melibatkan suami isteri, sedangkan dalam konsep harta syarikat merangkumi individu-individu yang lebih umum. Sebahagian ulama menolak mengatakan bahawa sumber hukum daripada harta sepencarian adalah syara'.¹⁶

Harta sepencarian tidak hanya dikenali di Malaysia. Di banyak kawasan di Indonesia, amalan harta sepencarian banyak dijumpai. Chidir Ali, S.H., *Hukum Adat Minangkabau*, mencatatkan pada tahun 1956 di Minangkabau, berlaku kes harta sepencarian. Kesnya adalah bahawa, suatu rumah yang oleh suami-isteri dibina di atas tanah milik kaum isteri dengan biaya bersama dari suami isteri masing-masing, merupakan harta suarang (harta sepencarian), yang dapat dipergunakan untuk membayar hutang suami.¹⁷

¹⁶ Dr. Suwaid Tapah, "Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Orang-orang Islam di Malaysia" (Tesis PhD., Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya, h.3-4; Prof. Dr. Hazairin S.H. (1986), *Undang-Undang Perkawinan No 1/1974 dan Lampiran U.U. Nomer 1/1974 Tentang Perkawinan*. Jakarta: Tintamas, h.28-31.

¹⁷ Chidir Ali, S.H. (1988), *Hukum Adat Minangkabau*. Jakarta: Pradnya Paramita, h.18.

DR. Soerjono Soekanto SH.MA, *Hukum Adat Indonesia*, menuliskan pendapat B ter Haaz Bzn (1950) menyatakan bahawa masyarakat dan perkauman di Indonesia mengenali adanya harta bersama (harta sepencarian) dengan mengecualikan beberapa kes-kes tertentu, seperti wanita kaya berkahwin dengan laki-laki miskin (nyalindung kagelung) atau sebaliknya (manggih kaya). Kedua kes disebut di atas menghalang adanya harta bersama suami isteri memandangkan bahawa biasanya harta hasil perkahwinan dalam kedua-dua kes tersebut berasal dari salah satu pihak.¹⁸

Menarik juga dilaporkan bahawa, Achmad Samsudin, S.H., Yusuf Anwar, S.H., MA., dan DRS Achmad Sulaiman Ali, *Yurisprudensi Hukum Waris, Seri Hukum Adat (II)*, mengungkapkan bahawa; dalam hukum adat Jakarta, semua harta yang diperolehi selama perkahwinan, termasuk dalam harta gono-gini (harta sepencarian), walaupun harta tersebut adalah hasil usaha suami sahaja dan isteri tiada memberikan sumbangan secara langsung di dalamnya. Dalam kes ini, Mahkamah Agung Indonesia mengabulkan tuntutan pihak isteri kepada Samijo dan mewajibkan kepada suami untuk memberikan 1/3 daripada 2 rumah miliknya kepada isterinya.¹⁹

Di Singapura, harta sepencarian dilaporkan oleh beberapa pengkaji undang-undang keluarga Singapura. Leong Wai Kum, *Family Law in Singapore (1990)*, mencatatkan beberapa kes berkenaan dengan tuntutan harta sepencarian. Misalnya kes *Pettitt lawan Pettitt (1970)* dan *Gissing lawan Gissing (1971)*. Dalam kedua kes tersebut dinyatakan bahwasanya, jika terjadi tuntutan antara suami isteri berkaitan

¹⁸ DR. Soerjono Soekanto SH.MA. dan Soleman b. Taneko SH. (1989), *Hukum Adat Indonesia*. Jakarta: Rajawali Pers, h.273-275.

¹⁹ Achmad Samsudin, S.H., Yusuf Anwar, S.H., MA., dan DRS Achmad Sulaiman Ali (1983), *Yurisprudensi Hukum Waris, Seri Hukum Adat (II)*. Bandung: Penerbit Alumni, h.3-6.

dengan harta yang dihasilkan semasa perkahwinan, maka mestilah dirujuk kepada undang-undang umum yang digunakan di Singapura tentang pemilikan hartanah. Beliau menyatakan bahawa, undang-undang hartanah Singapura mengambil prinsip “pemisahan dalam pemilikan hartanah”. Pasangan suami isteri boleh menuntut dan meminta manfaat dari harta yang dimiliki oleh pasangannya jika dia mempunyai sumbangan dalam harta tersebut. Jika pasangan tidak mempunyai sumbangan, maka tiada hak kepada pasangannya untuk menuntut apa-apa faedah dari harta tersebut walaupun ianya didapat oleh pasangannya semasa perkahwinan.²⁰

Lebih menarik disemak apa yang berlaku di Singapura berkaitan dengan harta sepencarian, adalah pemilikan dan pembahagian ‘rumah keluarga’ jika berlaku perceraian di antara suami isteri. Leong Wai Kum, melaporkan kes *Evelyn Tan lawan Tan Lim Tai* (1973). Rumah yang dipertikai dibeli pada tahun 1960 dengan harga \$19.500 dan ditulis atas nama suami sahaja. Rumah itu dijual pada tahun 1971 dengan harga \$46.000. Pihak isteri menuntut hak setengah ke atas hasil penjualan rumah tersebut. Mahkamah mendapati bahawa pihak isteri memberikan sumbangan secara langsung ke atas rumah tersebut dengan membayar ansuran bulanan secara tetap dari wang yang dimilikinya. Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan untuk memberikan kepada pihak isteri $\frac{1}{2}$ dari wang hasil penjualan rumah tersebut.²¹

Di pihak lain, kes-kes berkenaan dengan harta sepencarian tidak didapati dilaporkan oleh para pengkaji undang-undang Islam di Asia Tenggara, sama ada oleh

²⁰ Leong Wai Kum (1990), *Family Law in Singapore*. Singapura: Malaya Law Journal Pte Ltd. h. 367-369.

²¹ [1973] 2 MLJ 92.

Sarjana Barat atau Sarjana Islam Asia Tenggara. M.B. Hooker, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, ketika membincangkan Pentadbiran Undang-undang untuk Orang Islam di Singapura tidak melaporkan adanya kes tuntutan harta pencarian di dalam masyarakat Islam Singapura sama ada ketika zaman penjajahan British (1946) atau ketika masih menjadi bahagian Malaysia (1963-1965) mahupun setelah berpisah dengan Malaysia (1965). Sejarah perlembagaan Singapura tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap undang-undang untuk orang Islam yang dikuatkuasakan di negara tersebut. Hal ini memberikan kesan positif ke atas undang-undang keluarga Islam di Singapura. Undang-undang Islam Singapura tidak banyak dimasuki oleh unsur-unsur adat sepetimana yang berlaku di Malaysia dan Indonesia.²²

Dalam Ordinan Orang Islam (1957) dan Akta Pentadbiran Undang-undang untuk orang Islam (1966), harta sepencarian tidak diundangkan. Kes-kes berkaitan dengannya tidak dilaporkan. Prof. Ahmad Ibrahim, *The Legal Status of The Muslim in Singapore*, juga tidak melaporkan kes-kes harta sepencarian di kalangan masyarakat Islam Singapura. Pembahasan beliau di bawah tajuk “*Undang-undang tentang Hartanah*” banyak berkisar pada masalah harta warisan dan cara pembahagiannya mengikut ‘*Mahomaden Marriage Ordinance (1880)* selepas kematian seseorang.²³

Harta sepencarian dan pembahagiannya kemudian ditimbulkan oleh Presiden Kanan Mahkamah Syariah Singapura, dalam buku *Perlaksanaan Undang-undangn Keluarga Islam; Pengalaman Singapura (1998)*. Beliau menyebutkan beberapa

²² M.B. Hooker (1992), *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 118.

²³ Prof. Ahmad Ibrahim (1965), *The Legal Status of The Muslim in Singapore*. Singapura: MLJ Singapore, h. 25-31.

masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan pembahagian harta suami isteri selepas perceraian, dan utamanya pembahagian ‘rumah sepencarian’ yang dimiliki bersama oleh suami isteri. *Housing Development Board* (HDB) di akta terbarunya, mewajibkan setiap rumah dimiliki oleh dua orang. Dalam kes pasangan yang sudah berumah tangga, setiap rumah dicatitkan atas nama kedua pasangan, walaupun tidak semua pasangan menyumbang dalam pembayaran ansuran rumah tersebut. Ketika berlaku perceraian, pihak HDB akan membahagi rumah tersebut mengikut kesepakatan yang telah dibuat oleh suami isteri mengikut kadar peratus pemilikan rumah yang telah disepakati oleh kedua pasangan. Kes ini bertambah rumit kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai hak paksa untuk menjual atau memindah namakan hak milik rumah kepada salah seorang suami atau isteri yang telah dimenangkan kesnya di Mahkamah Syariah.²⁴

Jika salah satu menolak menurunkan tandatangan bagi penjualan atau pemindahan rumah milik meraka, maka perintah tersebut tidak dapat dilaksanakan. Penguatkuasaan ke atas perintah Mahkamah Syariah hanya boleh didapatkan daripada Mahkamah Sivil. Jadi, jika berlaku keengganhan daripada salah satu pihak untuk mematuhi perintah Mahkamah Syariah, maka kes tersebut boleh dilaporkan ke Mahkamah Sivil dan Mahkamah Sivil akan mengeluarkan surat perintah perlaksanaan keputusan Mahkamah Syariah.

²⁴ Salim Jasman (1999), "Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam; Pengalaman Singapura", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (*eds.*), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 300-301.

Sementara itu, Mahkamah Syariah tidak banyak merekodkan kes-kes yang didengar di Mahkamah Syariah kecuali jika kes tersebut dirujukkan ke Lembaga Rayuan oleh salah satu pihak yang bertikai. Oleh yang demikian, penghakiman daripada hakim-hakim di Mahkamah Syariah berkaitan dengan harta sepencarian banyak direkodkan di Lembaga Rayuan. Sepanjang tahun 1995 misalnya, daripada 46 kes yang dirujukkan ke Lembaga Rayuan, lebih daripada separuhnya adalah melibatkan kes harta sepencarian.

Kes-kes harta sepencarian yang dilaporkan di Mahkamah Syariah dan dirujukkan ke Lembaga Rayuan, kebanyakannya melibatkan ‘rumah sepencarian’ HDB. Hakim-hakim di Mahkamah Syariah berbeza-beza dalam memutuskan kes harta sepencarian yang melibatkan suami isteri bergantung kepada sumbangan kewangan suami isteri ke atas pembelian rumah HDB tersebut. Kebajikan kedua belah pihak dan anak-anak selalu menjadi pertimbangan hakim dalam mengambil keputusan.

Dalam kes antara *Jam Hari bin Jaafar lawan Fatimah bte Saayan*²⁵ tahun 1995, Hakim Yang Arif memindahkan hak milik rumah HDB di Blok 352 Ubi Avenue1, #02-991 kepada isteri. Nama suami dihapus dalam pemilikan rumah tersebut dan pihak isteri berkewajiban mengembalikan sumbangan kewangan pihak suami ke atas pembelian rumah tersebut beserta bunganya kepada Tabungan Simpanan Pekerja suami. Dalam kes ini, Mahkamah mengambil kira kepentingan kedua belah pihak dan juga kebajikan anak. Di antara alasan hakim adalah “bahawa

²⁵ *Jam Hari bin Jaafar lawan Fatimah bte Saayan*, LRS No 08/1995.

isteri mendapat hak penjagaan anak dan beliau serta anak lebih memerlukan rumah ini daripada suami". Sumbangan kewangan isteri ke atas pembayaran rumah sepencarian tersebut --yang lebih banyak daripada suami, juga menjadi pertimbangan hakim dalam membuat keputusan.

Di Lembaga Rayuan Hakim Yang Mulia Abdul Rahim bin Hj A.Jalil mengekalkan keputusan daripada Mahkamah Syariah dan menolak rayuan pihak suami yang meminta agar rumah tersebut dijual di pasaran terbuka dan keuntungan daripada hasil jualan dibahagi sama.

Dalam kes lain antara *Sadiyah Binti Hassan lawan Mansor Bin Abdul Rahman*²⁶, Hakim Yang Arif memutuskan pemindahan hak milik rumah yang dibeli bersama oleh pasangan tersebut kepada pihak suami. Hakim Yang Arif menjadikan *nusyūz* (derhaka) seorang isteri, iaitu meninggalkan rumah tanpa seizin suami dan tidak ambilberat ke atas kebijakan anak-anak sebagai salah satu sebab gugurnya hak harta sepencarian daripada pihak isteri. Pihak isteri tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah dan membaut rayuan di Lembaga Rayuan. Hakim Lembaga Rayuan menguatkan keputusan Mahkamah Syariah dan menambah bahawasanya, pemindahan hak milik rumah ke atas suami adalah bersesuaian dengan kebijakan anak-anak.

Di Malaysia, harta sepencarian mula dicatitkan kesnya semenjak satu abad yang lalu dan merupakan amalan masyarakat Melayu yang berasaskan kepada adat

²⁶ *Sadiyah Binti Hassan lawan Mansor Bin Abdul Rahman*, LRS NO. 09/1995.

Melayu yang diberi pengiktirafan undang-undang di bawah enakmen-enakmen negeri dan bukan kepada syariat Islam.²⁷

Setelah Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa untuk membincangkan kes harta sepencarian, Kadi dan beberapa sarjana mutahkir pengkaji undang-undang keluarga, mencuba mencari asas hukum kepada harta ini dalam koridor hukum syaria‘ sebagai bahagian daripada fiqh muamalah (iaitu *syarikah al-Ábdān*). Ada juga yang mengatakan bahawa harta ini dikenali dalam mazhab Shafie sebagai harta *musyā‘*. Mengaitkan harta sepencarian dengan undang-undang Islam banyak ditentang oleh pengkaji undang-undang keluarga Islam di Malaysia mahupun di Indonesia, bahkan ada yang menolak sama sekali kaitan antara undang-undang Islam dengan harta sepencarian.²⁸

Masalah harta sepencarian hanya timbul setelah terjadinya perceraian, sama ada perceraian mati atau hidup. Penuntutan berlaku oleh kedua-dua pihak terhadap harta yang dihasilkan sesebuah pasangan dalam perkahwinan mereka. Isu siapa yang bertanggungjawab ke atas perceraian tidak timbul sama sekali dalam kes harta sepencarian. Seorang isteri yang bercerai dengan suaminya akibat kesalahannya sendiri, seperti ia melakukan zina, ia masih dapat menuntut harta sepencarian.²⁹

Kadar pembahagian harta sepencarian juga berbeza-beza antara satu negeri ke negeri yang lain. Umpamanya di Serawak 1/3, di Terengganu, di Kedah, di Selangor

²⁷ MD. Akhir Hj. Yaacob, Dr. Siti Zalikhah Md. Noor (1989), *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia*. Malaysia: al-Rahmaniah, Badan Dakwan dan Kebajikan Islam, h. 75-76; Achmad Samsudin, S.H. et al. (1983), op.cit., h. 3-6.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Lihat kes *Teh Rasim lawan Neman*, E.N. Taylor (1937), op.cit., h. 25.

½ dan di Pahang serta di Perlis terpulang kepada Kadi, untuk memutuskan mengikut apa yang dianggap patut.³⁰ Walaupun demikian, dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, dalam menjalankan tugas dalam pembahagian harta sepencarian, Mahkamah dikehendaki mengambil perhatian tentang tiga perkara, di antaranya adalah takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset tersebut.³¹

Di Indonesia, harta sepencarian juga dikenali di hampir kesemua kawasan Indonesia, masyarakat Islam dan bukan Islam. Konsep pemilikan harta ini dalam pandangan majoriti sarjana Indonesia dianggap sebagai hasil daripada produk hukum adat. Upaya untuk memasukkan konsep pemilikan ini ke dalam undang-undang Islam, telah ditentang dan dianggap sebagai upaya yang dipaksakan. Mereka cenderung bersetuju mengatakan bahawa ianya merupakan bagian daripada hukum yang belum disentuh (*maskūt ‘anhu*) dan penetapannya diserahkan kepada budibicara (*syūrā baynahum*) masing-masing suku bangsa. Dalam undang-undang perkahwinan Indonesia Nomor 1/1974 pasal 35 dijelaskan bahawa: “apabila perkahwinan putus, maka harta bersama tersebut diatur menurut hukumnya masing-masing”, Tafsiran ke atas "hukumnya masing-masing" adalah hukum agama, hukum adat dan hukum-hukum lainnya.³²

Di Singapura, kes-kes harta sepencarian tidak banyak dijumpai dalam dokumen-dokumen lama sebelum kemerdekaan. Kes-kes harta sepencarian baharu

³⁰ MD. Akhir Hj. Yaacob *et al.*(1989), op.cit., h. 72-73.

³¹ Mimi Kamariah Majid (1992), op.cit., h. 192.

³² Prof. Dr. Huzairin S.H. (1986), op.cit., h. 29.

dilaporkan oleh para pengkaji undang-undang keluarga Singapura selepas berlakunya pemisahan diri Singapura dari Malaysia dan menjadi negara Republik. Kes-kes yang dilaporkan banyak melibatkan pasangan bukan Islam dan diselesaikan di Mahkamah Sivil.

Menarik untuk dikaji bahawa, Hakim Mahkamah Sivil yang memutuskan kes-kes ini tidak menggunakan adat sebagai asas ke atas keputusan yang diambil. Rujukan yang digunakan adalah Undang-undang am Singapura yang mengatur masalah harta tanah dan pemilikannya. Sumbangan secara tidak langsung daripada pasangan yang berupa layanan dan penjagaan anak-anak oleh pihak isteri, juga tidak diambil kira dalam memutuskan kes-kes terdahulu tersebut.

Walaupun jumlahnya tidak terlalu banyak, kes-kes harta sepencarian telah dicatatkan dalam beberapa jurnal hukum yang diterbitkan di Malaysia. Tetapi yang banyak adalah bahawa kes-kes harta ini dicatatkan dalam fail-fail peribadi para hakim di Mahkamah Syariah; jika kes tersebut tidak dirujukkan ke Lembaga Rayuan atau direkodkan dalam fail-fail penghakiman jika kes harta sepencarian dirujukkan ke Lembaga Rayuan. Kes-kes harta sepencarian di kalangan masyarakat Islam Singapura juga disebutkan oleh Mantan Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Ustaz Salim Jasman ketika beliau mendedahkan beberapa masalah yang berlaku di Mahkamah Syariah Singapura. Pencarian dan penelusuran perlu diadakan untuk mengetahui secara pasti kewujudan kes-kes sedemikian di Mahkamah Syariah Singapura. Aspek penghakiman, alasan, sumber hukum, dan bahan rujukan yang digunakan oleh kadi dalam memutuskan kes-kes tersebut perlu mendapat kajian menyeluruh untuk

memperoleh kejelasan tentang cara dan asas-asas yang digunakan oleh Mahkamah Syariah Singapura dalam menghuraikan kes-kes sedemikian.